



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



KERATAN AKHBAR



KERATAN BERTARIKH: 15 DISEMBER 2024

HARI : AHAD

RUANGAN: NASIONAL

HALAMAN: 16

353 premis KEMAS rosak akibat banjir, babit kerugian RM6j

Alor Setar: Sebanyak 353 premis Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di seluruh negara mengalami kerosakan membabitkan kerugian kira-kira RM6 juta akibat banjir yang melanda sejak November lalu.

Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Mohd Hanafiah Man, berkata daripada jumlah itu, premis yang terjejas merangkumi 339 premis Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) dan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), 11 premis pendidikan kemahiran dan tiga Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM).

Katanya, ia membabitkan lapan negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Sarawak.

"Bencana banjir ini sedikit sebanyak menjejaskan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), membabitkan seramai 7,673 kanak-kanak tabika dan taska dan 855 kakitangan KEMAS di negeri-negeri terbabit terutama di Kelantan dengan kerosakan yang

agak serius berbanding negeri lain.

"Di **Kelantan** sebanyak 212 premis terjejas banjir diikuti Terengganu membabitkan 96 premis dan Kedah sebanyak 19 premis.

"Kita sudah menggerakkan Skuad Ihsan MADANI di seluruh negeri untuk melaksanakan misi bantuan banjir, termasuk kerja-kerja pembersihan premis dan kediaman terjejas. Keutamaan kami adalah memastikan operasi premis KEMAS dapat disambung seperti biasa dengan segera," katanya ketika ditemui selepas meninjau kesan banjir di TABIKA KEMAS Alor Gunung di sini, semalam.

Mohd Hanafiah berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sudah mengarahkan permohonan mendapatkan bajet baik pulih untuk premis KEMAS yang terbabit.

Katanya, KEMAS sudah mengangkat permohonan kepada Ke-

tua Setiausaha (KSU) kementerian dan tindakan segera mendapat maklum balas pada dasarnya peruntukan yang dipohon diluluskan dan akan disalurkan sedikit masa lagi.

"Cuma kalau peruntukan yang dapat itu tidak mencapai kepada jumlah yang ada, sekurang-kurangnya kita hendak pastikan ia boleh digunakan semula untuk anak-anak dan kita utamakan faktor keselamatan dan kebersihan."

"Isu keselamatan itulah yang paling penting, kita tak nak nanti anak-anak masuk bangunan itu tidak selamat untuk mereka, selain itu kita juga sedang meneliti bangunan yang terjejas sama ada selamat atau tidak untuk digunakan, setakat ini, kerja-kerja pembersihan giat dilaksanakan dan 93 peratus dapat diselesaikan dapat waktu terdekat sebelum anak-anak meneruskan sesi pembelajaran," katanya.

Sementara itu, Mohd Hanafiah berkata pihaknya bersama KKDW sedang mengusahakan se-



Mohd Hanafiah melihat kesan banjir ketika melawat TABIKA KEMAS Alor Gunung di Alor Setar, semalam. (Foto BERNAMA)

suatu supaya program pratahfiz yang dilaksanakan di tabika KEMAS ketika ini dapat diteruskan kepada pelajar meskipun mereka sudah menginjak ke sekolah kebangsaan.

Katanya, antara langkah termasuk membenarkan anak-anak itu dihantar ke TABIKA berkecuali pada waktu petang bagi menyambung kelas tahfiz ikuti di situ.